

Pusat tidak amal diskriminasi

PM bersyukur pengakuan MB

11 JUN 1991

Oleh SHAHRIZAL SANUSI dan
KAMARUDIN MAT AKIB

MELAKA, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersyukur atas pengakuan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa Kerajaan Pusat tidak mengamalkan diskriminasi, terutama dalam masalah pembangunan di negeri itu.

"Alhamdulillah, alhamdulillah," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Hari Belia Negara dan Pelancaran Rasmi Program Induk Belia Negara (PIBN) di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Haji Nik Aziz bahawa Kerajaan Pusat pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir tidak mengamalkan diskriminasi terhadap Kelantan.

Berita Harian hari ini melaporkan Haji Nik Abdul Aziz yakin pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir di Kelantan semalam dapat mewujudkan hubungan baik di antara Kerajaan Pusat dan negeri tanpa sebarang masalah.

Sementara itu, di Kota Bharu, rakyat Kelantan berpendapat usaha mengeratkan hubungan antara kerajaan negeri dan Pusat patut disejajarkan supaya pelbagai pihak di negeri ini, terutama golongan miskin,

tidak ketinggalan daripada menikmati pelbagai program pembangunan bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Mereka juga berpendapat kenyataan Haji Nik Abdul Aziz bahawa Kerajaan Pusat pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir tidak mengamalkan diskriminasi, terutama dalam masalah pembangunan di negeri ini, sebagai wajar.

Encik Mohd Yusof Haji Abdullah, 54, dari Kampung Chetok di Pasir Mas, berkata rakyat Kelantan berharap pertemuan di antara Haji Nik Abdul Aziz dan Perdana Menteri sewaktu perasmian Jambatan Pasir Mas-Salor, semalam, adalah langkah permulaan mewujudkan hubungan baik antara kedua-dua kerajaan itu.

"Kami berharap hubungan kedua-dua kerajaan akan bertambah baik selepas Menteri Besar membalas kunjungan Perdana Menteri seperti yang dirancang itu," katanya.

Encik Mohd Yusof mengulas kenyataan Haji Nik Abdul Aziz dalam *Berita Harian* hari ini, bahawa beliau akan meminta pegawainya mengatur pertemuan itu di Pejabat Perdana Menteri di Kuala Lumpur.

Mengikuti laporan itu juga, Menteri Besar berkata beliau berharap kehadirannya di majlis berkenaan akan menjadi 'jambatan' bagi mewujudkan hubungan baik antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Encik Mohd Yusof berkata, rakyat Kelantan amat mengharapkan hubungan kedua-dua kerajaan itu pulih segera dan Kerajaan Pusat meneruskan pelbagai bantuan, terutama subsidi kepada rakyat negeri ini.